KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	25.03.22	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	JPSM			

'Ikon' Taman Negara musnah

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

JERANTUT: Papan tanda berusia hampir separuh abad berdekatan pintu masuk pusat penginapan Mutiara Taman Negara Resort (MTNR) dan menjadi ikon pelancongan Pahang musnah dihempap pokok Ara dalam kejadian ribut di Kuala Tahan, kelmarin.

Kejadian pukul 5.30 petang itu turut menggemparkan kira-kira 70 pelancong yang menginap di beberapa buah chalet MTNR dan serta-merta keluar apabila terdengar bunyi kuat pokok Ara tua tumbang.

Bagaimanapun, kejadian ribut yang cuma berlaku sekitar 10 minit itu tidak melibatkan kemalangan jiwa dan kecederaan penghuni di situ.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pekerja hospitaliti, Sabri Abdullah berkata, menariknya, papan tanda 'Selamat Datang ke Taman Negara Malaysia' itu mula dibina sekitar 1970-an dengan menggunakan kemahiran mengukir hasil kreativiti seorang pekerja.

"Lebih menarik papan tanda ini dibuat daripada kayu pokok Merbau yang diukir dengan lambang kehijauan hutan dan seekor Badak Sumatera, diwarnai cat oleh pekerja landskap di sini yang sudahpun bersara.



DONNA Daylis merakam gambar papan tanda yang pecah selepas kejadian ribut di Taman Negara Kuala Tahan di Jerantut, Pahang. - FOTO/IHSAN PEKERJA RESORT MTNR

"Sejak berdiri megah berdekatan pintu masuk ke Taman Negara di sini, papan tanda tersebut masih utuh walaupun ditimpa hujan dan panas keran kayu Merbau mampu bertaha lama malah dicat semula apa bila warnanya pudar oleh pekerj landskap di sini," katanya di Kua la Tahan di sini semalam.

Seorang lagi kakitangan hos pitaliti MTNR, Razak Mahus sin berkata, papan tanda tersebu merupakan tarikan dan kena ngan bagi pelancong yang pernah melawat Taman Negara.

"Kita akan cuba membai pulih dan melekatkan semula pa pan tanda ini kerana ia merupa kan satu simbolik kepada pelan congan Taman Negara mala sinonim dengan penduduk sini," katanya.

Dalam pada itu, pelancon yang berasal dari Kanada, Donn Daylis berkata, dia begitu terkeju apabila papan tanda simbol Ta man Negara itu musnah dihem pap sebatang pokok.

Donna yang juga pencint alam sekitar dan serangga sudah menetap di Ipoh, Perak sejak 2 tahun lalu menjelaskan, papa tanda kayu itu juga menjadi raka man lensa kamera apabila dia da keluarga bergambar di situ yan kerap kali ke Taman Negara Kual Tahan sebelum berlaku pande mik Covid-19.